



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

**PERASMIAN PROJEK PENEMPATAN BAHARU MANGSA BANJIR
KAMPUNG PADANG GRUS, LENGGONG USAHASAMA KERAJAAN
PERSEKUTUAN, KERAJAAN NEGERI PERAK DAN PERSATUAN PANDU
PUTERI PERAK.**

PADA

29 OGOS 2015 (SABTU)

RPT PADANG GRUS, LENGGONG, PERAK DR

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

BISMILAHIR-RAHMANNIR-RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

MENGADAP

DULI YANG MAHA MULIA,

RAJA PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN,

TUANKU ZARA SALIM.

AMPUN TUANKU,

BERIBU-RIBU AMPUN, SEMBAH PATIK, MOHON DIAMPUN. TERLEBIH DAHULU, PATIK MERAFAKKAN SETINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHUWATAALA KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA DAN INAYAH-**NYA**,

PATIK DAN SEKALIAN HADIRIN DAPAT BERKUMPUL BAGI MERAIKAN KEBERANGKATAN DULI YANG MAHA MULIA TUANKU DENGAN PENUH HORMAT TAKZIMNYA MERAFAKKAN SEMBAH, MENJUNJUNG SETINGGI-TINGGI KASIH ATAS LIMPAH PERKENAN TUANKU MENCEMAR DULI BERANGKAT KE MAJLIS YANG PENUH GILANG-GEMILANG INI.

PATIK MOHON PERKENAN TUANKU UNTUK MENGALU-ALUKAN KEBERANGKATAN
DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN,

MENGADAP

**DULI YANG TERAMAT MULIA RAJA PUAN BESAR PERAK DARUL RIDZUAN
RAJA NOR MAHANI BINTI RAJA SHAHAR SHAH.**

MENGADAP

**DULI YANG AMAT MULIA RAJA PUAN MUDA PERAK DARUL RIDZUAN
DATO' SERI DIRAJA TUNKU SORAYA BINTI TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH**

AMPUN TUANKU,

PATIK MERAFAK SEMBAH JUNJUNGAN KASIH ATAS PERKENAN DULI-DULI TUANKU
MENCEMAR DULI BERANGKAT DAN MENGIRINGI DULI YANG MAHA MULIA RAJA
PERMAISURI PERAK DARUL RIDZUAN KE MAJLIS PADA PAGI INI.

KEBERANGKATAN DULI TUANKU MENAMBAHKAN SERI MAJLIS YANG AMAT BERSEJARAH
PADA HARI INI.

AMPUN TUANKU,

**PATIK MEMOHON LIMPAH PERKENAN DULI-DULI TUANKU UNTUK MENGIZINKAN
MENGALU-ALUKAN PEMBESAR-PEMBESAR NEGERI DAN TETAMU-TETAMU YANG LAIN.**

YANG BERHORMAT DATO' HAJI SAARANI BIN MOHAMAD

MEWAKILI YANG AMAT BERHORMAT MENTERI BESAR PERAK DAN ISTERI

**ORANG KAYA BENDAHARA SERI MAHARAJA, YANG AMAT BAHAGIA JENERAL (B) DATO'
SERI DIRAJA TAN SRI MOHD ZAHIDI BIN HAJI ZAINUDDIN DAN ISTERI**

**YANG AMAT BHG. DATIN SARIPAH BT. ZULKIFLI ISTERI KEPADA YANG AMAT
BERHORMAT MENTERI BESAR PERAK**

**YANG BERHORMAT DATO' SERI ABDUL PUHAT BIN MAT NAYAN
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERAK DAN ISTERI**

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI MOHD GHAZALI BIN JALAL, PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN DAN ISTERI**

YANG BHG. DATUK ZOHARI AKOB, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KERJA RAYA

**YANG BHG. DATUK IR. HAJI ADANAN BIN MOHAMMED HUSSAIN
KETUA PENGARAH KERJA RAYA, JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

**YANG DIHORMATI TOH SRI BIJAYA Lt. KOL (B) DATO' SHAHARUDIN BIN HAJI NAZARI
ORANG BESAR HULU PERAK DAN ISTERI**

**YANG DIHORMATI TOH PADUKA SETIA, DATO' IR. DR. SAFRY KAMAL BIN HAJI AHMAD
PENGARAH JKR PERAK DARUL RIDZUAN DAN ISTERI**

**YANG BERHORMAT AHLI PARLIMEN DAN AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERAK
KETUA-KETUA JABATAN PERINGKAT PERSEKUTUAN DAN NEGERI**

**YANG BERBAHAGIA DATO'-DATO', DATIN-DATIN, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN SERTA
HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN**

SALAM SEJAHTERA DAN SALAM SATU MALAYSIA

MUKADIMAH

TERLEBIH DAHULU SUKACITA SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T. DENGAN LIMPAH IZIN DAN INNAYA –NYA, MAKA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA BERHIMPUN PADA HARI INI SEMPENA PERASMIAN PROJEK PENEMPATAN BAHARU MANGSA BANJIR KAMPUNG PADANG GRUS, LENGGONG USAHASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN, KERAJAAN NEGERI PERAK DAN PERSATUAN PANDU PUTERI PERAK

SEPERTIMANA HADIRIN SEKALIAN SEDIA MAKLUM, PADA PENGHUJUNG TAHUN 2014 NEGARA KITA TELAH DILANDA MUSIBAH BANJIR BESAR SEHINGGA TELAH MENGAKIBATKAN KEHILANGAN NYAWA DAN HARTA BENDA DI PELUSOK TANAH AIR KITA. BANJIR INI TELAH MENGAKIBATKAN PERPINDAHAN RATUSAN RIBU MANGSA KE PUSAT-PUSAT PERPINDAHAN BANJIR.

FAKTA IMPAK BANJIR DI MALAYSIA

Y. BERHORMAT DATO'-DATO'

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

PADA HARI INI, SEJUMLAH **RM800 JUTA** TELAH DI PERUNTUKKAN OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN KEPADA PELBAGAI KEMENTERIAN UNTUK MEMBAIKI KEROSAKAN INFRASTRUKTUR AWAM TERMASUK SEKOLAH, HOSPITAL, JALAN DAN SEBAGAINYA. SELAIN ITU, TAMBAHAN SEBANYAK **RM 174 JUTA** TELAH DI PERUNTUKKAN MELALUI **TABUNG KUMPULAN WANG AMANAH BANTUAN BENCANA NEGARA** UNTUK BANTUAN PEMBINAAN SEMULA RUMAH-RUMAH KEDIAMAN MANGSA BANJIR YANG TELAH MUSNAH DAN ROSAK SEPENUHNYA ATAU SEBAHAGIAN

SEBANYAK **1,982 BILANGAN** RUMAH KEDIAMAN YANG TELAH DIKENAL PASTI DAN DISAHKAN TERLIBAT DALAM MUSIBAH BANJIR YANG MELANDA DI NEGARA KITA PADA TAHUN LALU. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, **1,409 UNIT** RUMAH KEDIAMAN AKAN DIBINA SEMULA OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN MANAKALA SEBANYAK **573 UNIT** RUMAH PULA DIBINA OLEH KERAJAAN NEGERI.

UNTUK NEGERI KELANTAN, SEBANYAK **1,255 UNIT** RUMAH KEDIAMAN DIBINA DIBAWAH PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN **572 UNIT** RUMAH PULA OLEH KERAJAAN NEGERI. BAGI NEGERI TERENGGANU PULA, SEBANYAK **16 UNIT** RUMAH KEDIAMAN DIBINA OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN **1 UNIT** OLEH KERAJAAN NEGERI.

UNTUK NEGERI PAHANG DAN NEGERI PERAK PULA, IAITU SEBANYAK **112 UNIT** RUMAH DI PAHANG DAN **26 UNIT** RUMAH DI PERAK, PEMBINAAN SEMULA RUMAH BANJIR INI DITANGGUNG SEPENUHNYA MELALUI PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

PERANAN KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)

Y. BERHORMAT DATO'-DATO'

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

SAYA AMAT BERBESAR HATI DAN BERBANGGA KERANA PENEMPATAN BARU BAGI MANGSA-MANGSA BANJIR DI **NEGERI PERAK** INI TELAHPUN **SIAP SEPENUHNYA** DALAM TEMPOH YANG LEBIH AWAL BERBANDING NEGERI-NEGERI LAIN. KESEMUA **26 UNIT**

RUMAH TERSEBUT TELAHPUN DISERAHKAN KEPADA PEMILIK-PEMILIK SEBELUM HARI RAYA AIDILFITRI YANG LALU

SAYA JUGA MERASA AMAT BERBANGGA KERANA KESUNGGUHAN YANG TELAH DITUNJUKKAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI DAN SELURUH WARGA KERJA DI JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK KHASNYA DAN JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA AMNYA DALAM MELAKSANA DAN MENJAYAKAN PROJEK RUMAH BANJIR INI SECARA KESELURUHANNYA

SAYA BERPANDANGAN TUGAS KAMI DI KEMENTERIAN KERJA RAYA TIDAK AKAN TERHENTI DI SINI SAHAJA. KEMENTERIAN INI JUGA TELAH DIBERI PERUNTUKAN SEBANYAK **RM 383.6 JUTA** BAGI MEMBAIKPULIH JALAN RAYA, JAMBATAN DAN CERUN DI BAWAH KAWALAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SELURUH NEGARA YANG ROSAK AKIBAT BANJIR.

JUSTERU, SAYA BERHARAP SEMUA JKR-JKR NEGERI YANG TERLIBAT SUPAYA MEMASTIKAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN INFRASTUKTUR YANG TERJEJAS DILAKSANAKAN DENGAN KADAR SEGERA

SAYA JUGA MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN TAHNIAH KEPADA PASUKAN BILIK GERAKAN BENCANA JABATAN KERJA RAYA YANG BEROPERASI **24 JAM** SEHARI BAGI MEMBERI BANTUAN DAN MAKLUMAT BERHUBUNG PENUTUPAN JALAN-JALAN YANG TERLIBAT DENGAN BANJIR. **ALHAMDULILLAH**, TUGAS MURNI KITA INI TELAH MEMBUKA MATA BANYAK PIHAK DAN TURUT MENERIMA PUJIAN OLEH YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA. SAYA DENGAN RASA RENDAH DIRI BERTERIMA KASIH KEPADA SEMUA PETUGAS-PETUGAS BILIK GERAKAN BENCANA KKR/JKR YANG BERTUNGKUS-LUMUS DALAM MEMBERI MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN JALAN-JALAN YANG DITUTUP SERTA INFORMASI LALUAN-LALUAN ALTERNATIF

SAYA YAKIN DAN PERCAYA, CABARAN YANG MENANTI PADA HARI INI DAN TAHUN-TAHUN YANG MENDATANG SUDAH TENTU BERBEZA DENGAN APA YANG TELAH KITA HADAPI PADA MUSIBAH BANJIR YANG BERLAKU PADA MASA LEPAS. WALAU APAPUN RINTANGAN YANG AKAN TERJADI, KITA HARUS TERUS MENGORAK LANGKAH KE HADAPAN. MENDEPANI SEGALANYA UJIAN DENGAN PENUH KETABAHAN, KEBERANIAN, KEYAKINAN SERTA DENGAN DIIRINGI SEMANGAT PERPADUAN DAN KEKITAAN

PENUTUP

Y. BERHORMAT DATO'-DATO'

PARA HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

AKHIRNYA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN SETINGGI – TINGGI PENGHARGAAN SEKALI LAGI KEPADA SEMUA ANGGOTA KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN NEGERI YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG DAN TIDAK LANGSUNG DALAM MENGENDALIKAN PERANCANGAN DARI AWAL TERJADINYA BENCANA. KOMITMEN DAN KERJASAMA YANG DITUNJUKKAN OLEH SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT MEMBUKTIKAN KITA SEMUA BOLEH BERSATU SEBAGAI RAKYAT MALAYSIA YANG PERIHATIN DAN BERJIWA PENYAYANG. JASA DAN BUDI TUAN-PUAN AMATLAH TIDAK TERHINGGA DAN HANYA ALLAH JUA YANG MAMPU MEMBALASNYA

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA SEMBAH UCAPAN PATIK.

PATIK DENGAN RASA RENDAH DIRI MEMOHON KEAMPUNAN JIKA TERDAPAT APA JUGA KELEMAHAN DAN KEKURANGAN SEPANJANG PENGLIBATAN KKR DALAM PROJEK INI DAN MENGURUSKAN MAJLIS PADA HARI INI. AKHIR SEKALI PATIK SEKALI LAGI MENJUNJUNG SETINGGI KASIH ATAS LIMPAH PERKENAN DULI-DULI TUANKU BERANGKAT MENCEMAR DULI DI MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENEMPATAN BAHARU MANGSA BANJIR KAMPUNG PADANG GRUS, LENGGONG DI ATAS USAHASAMA KERAJAAN PERSEKUTUAN, KERAJAAN NEGERI PERAK DAN PERSATUAN PANDU PUTERI PERAK.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN UCAPAN PATIK DAN PATIK SUDAH DENGAN WABILLAHITAUFIQWALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMAULLAHI WABARAKATUH